



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI MELAKA  
TAHUN 2018 SIRI 3**

1. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, laporan hendaklah dikemukakan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka bagi diperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka.
2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2018 Siri 3 setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 14 Julai 2020. Seterusnya, laporan ini setelah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka akan dibentangkan pula di Dewan Undangan Negeri Melaka pada 9 Disember 2020.
3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

**3.1. Pengurusan Syarikat Kerajaan**

- a. Pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pengauditan merangkumi tiga (3) aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.

- b. Bagi LKAN Tahun 2018 Siri 3, sebanyak dua (2) pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri Melaka. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan telah dilaksanakan terhadap Syarikat Pengurusan Rumah Pangsa Negeri Melaka Sdn. Bhd. dan Kumpulan Melaka Berhad. Secara keseluruhannya, pengauditan pengurusan Syarikat Pengurusan Rumah Pangsa Negeri Melaka Sdn. Bhd. yang dijalankan telah menunjukkan pengurusan yang kurang memuaskan dari segi tadbir urus korporat. Selain itu, terdapat beberapa isu berkaitan ketidakcekapan dalam pengurusan aktiviti utama syarikat dan kewangan yang menyebabkan syarikat tidak mendapat keuntungan yang optimum. Pengauditan terhadap Kumpulan Melaka Berhad pula menunjukkan pengurusan yang memuaskan dari segi tadbir urus korporat. Bagaimanapun, ketidakcekapan dan kelemahan dalam pengurusan aktiviti utama syarikat menyebabkan kedudukan kewangan syarikat yang kurang stabil.
4. Semua Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan tujuh (7) syor terhadap pengurusan syarikat Kerajaan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. LKAN Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2018 Siri 3 dijadual akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 9 Disember 2020. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 9 Disember 2020 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada Warkah Untuk Ketua Audit Negara.

Ketua Audit Negara  
Malaysia

9 Disember 2020